



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM/PP/100-6/3 JLD 13 (09)

31 Mac 2021

PEKELILING PENGURUSAN BIL. 9 TAHUN 2021

**PERINCIAN OPERASI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
DI SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 14 April 2021 di seluruh Negeri Johor, berikut merupakan perincian operasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di sepanjang tempoh yang dinyatakan.

PELAKSANAAN

1. Keseluruhan kampus akan beroperasi mengikut SOP yang telah ditetapkan dan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan kekal dilaksanakan secara atas talian sebagaimana amalan sedia ada. Walau bagaimanapun, bermula pada 4 April 2021, kuliah akan diteruskan secara *hibrid*, merujuk kepada Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bil. 1/2021, bertarikh 9 Mac 2021.
2. **Keseluruhan Kampus UTHM akan beroperasi pada tahap maksimum 30% melibatkan kehadiran staf pentadbiran (termasuk Ketua PTJ) setiap hari ke pejabat**, sepertimana Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 12 Januari 2021. Penetapan penggiliran tugas akan dibuat oleh Ketua PTJ dan jadual penggiliran tugas sehingga 30 April 2021 hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Governan untuk tujuan rekod.
3. Tatacara permohonan *Work From Home* oleh staf, sepertimana yang telah digariskan melalui Pekeliling Pengurusan Bil. 13 Tahun 2020 : Penambahbaikan Dasar Bekerja Dari Rumah (*Work From Home – WFH*) UTHM akan digunakan bermula 1 Mei 2021. Sehubungan dengan itu, jadual penggiliran tugas yang telah disediakan ini akan terus digunakan sehingga 30 April 2021. Walau bagaimanapun, sebarang penetapan tarikh di atas akan dikaji daripada semasa ke semasa tertakluk kepada sebarang pengumuman oleh pihak Kerajaan.

4. Jadual penggiliran tugas hadir ke pejabat hendaklah melibatkan staf mengikut peratusan yang ditetapkan **KECUALI**:
 - i. Staf yang disahkan positif COVID-19
 - ii. Staf kategori Kontak Rapat
 - iii. Staf kategori Kontak Kasual
5. Kaedah merakam kehadiran harian sepertimana yang telah ditetapkan adalah terpakai iaitu staf yang hadir secara fizikal ke kampus perlu merakamkan kehadiran menggunakan mesin perakam kehadiran, manakala staf yang diberikan kebenaran WFH perlu merakamkan kehadiran menggunakan *web attendance*.
6. Semua staf yang telah diberikan kebenaran untuk WFH adalah diingatkan untuk sentiasa berada di dalam lingkungan kawasan yang secara munasabahnyanya boleh dihubungi dan boleh diarahkan hadir ke pejabat pada bila-bila masa jika diperlukan untuk melaksanakan tugas dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan.

Pergerakan Merentas Negeri dan Penganjuran Aktiviti

7. Pergerakan staf merentas negeri adalah **TIDAK DIBENARKAN**, kecuali staf yang termasuk di dalam jadual penggiliran tugas hadir ke pejabat. Sekiranya terdapat keperluan untuk staf membuat pergerakan merentas negeri atas keperluan tugas rasmi Universiti, staf perlu mengisi borang pergerakan dan menguruskan dokumentasi kebenaran merentas negeri di Balai Polis berhampiran.
8. Penganjuran program-program rasmi Universiti seperti persidangan, kursus, lawatan, mesyuarat serta majlis rasmi yang lain, di dalam premis Universiti adalah **DIBENARKAN**, dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada 50% kapasiti ruang penganjuran. Penganjuran mesyuarat secara bersemuka adalah dibenarkan namun penggunaan platform mesyuarat atas talian adalah amat digalakkan.
9. Semua bentuk penganjuran program samada rasmi dan tidak rasmi (anjaran PTJ) hendaklah didaftarkan dengan menggunakan borang berikut : Daftar Penganjuran Majlis / Program Universiti Di Sepanjang Tempoh PKP/PKPB/PKPP. Ketetapan ini adalah bagi memastikan pihak pengurusan mempunyai maklumat asas yang boleh disalurkan kepada pihak berwajib berkaitan sebarang penganjuran program di dalam premis Universiti sekiranya berlaku penularan COVID-19 di tempat kerja.

Aktiviti Melibatkan Pelajar

10. Para pelajar akan dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai sebarang ketetapan yang berkaitan, melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

TARIKH KUATKUASA


Penetapan perincian operasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini adalah berkuatkuasa mulai 01 April sehingga 30 April 2021 tertakluk kepada sebarang pindaan yang akan dibuat melalui pengumuman oleh pihak Kerajaan / Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Yang benar



NAIM BIN MASLAN

Menjalankan Tugas Pendaftar

☎07-453 7105